



**TEKS UCAPAN ALUAN  
MAJLIS SAMBUTAN HARI PEKEBUN KECIL  
RISDA NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 2009**

**OLEH  
YANG BHG DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDUDDIN  
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA(PEMBANGUNAN)**

TEMPAT: DEWAN SRI MINANG,  
PEJABAT PRN NEGERI SEMBILAN  
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN  
TARIKH : 23 DISEMBER 2009 (RABU)  
MASA : 9.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berhormat Dato' Hj. Hasan bin Malek,  
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berhormat Dato' Hasim Rusdi,  
Pengerusi J/K Bertindak Pembangunan Luar Bandar, Hal Ehwal  
Pengguna dan Kemudahan Awam Negeri Sembilan

Yang Dihormati Tn Hj. Abdul Ghafar bin Dato' Hj. Borhanudin  
Pengaroh RISDA Negeri Sembilan

Ketua-Ketua Jabatan

Pegawai-Pegawai RISDA serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan para  
pekebun kecil yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia.

1. Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Sambutan Hari Pekebun Kecil RISDA Negeri Sembilan Tahun 2009 pada hari ini. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hj. Hasan bin Malek, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan

3

Wilayah kerana sudi melapangkan masa untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini serta merasmikan Majlis ini pada pagi ini. Kita semua amat bertuah kerana mempunyai pemimpin yang begitu prihatin dan mengambil berat tentang masyarakat luar bandar khususnya pekebun kecil. Kehadiran Yang Berhormat Dato', insya'Allah akan menjadi pendorong dan menyemarakkan lagi semangat RISDA serta semua Pekebun Kecil Negeri Sembilan untuk terus berusaha bagi meningkatkan dan memperbaiki sosio-ekonomi masyarakat pekebun kecil. Saya juga mengambil peluang

4

di sini untuk mengalu-alukan kehadiran semua pekebun kecil Negeri Sembilan hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil dan penduduk di luar bandar khususnya dan juga industri getah keseluruhannya.

2. RISDA menganjurkan Sambutan Hari Pekebun Kecil ini sebagai satu kaedah untuk memberi penghargaan kepada pekebun kecil di atas sumbangan mereka dalam pembangunan luar bandar khususnya pekebun kecil dan juga untuk menyampaikan maklumat terkini yang

berfaedah kepada pekebun kecil. Tumpuan atau fokus Sambutan kali adalah **peningkatan produktiviti hasil getah dan sawit dan juga keusahawanan.**

Peningkatan Produktiviti akan menjadi tumpuan utama RISDA pada tahun hadapan dan sasaran RISDA adalah supaya pekebun kecil memperoleh pengeluaran 1,800 kg sehektar setahun bagi getah dan 20 kg sehektar bagi sawit. Dalam bidang keusahawanan pula, RISDA telah mengatur beberapa strategi untuk memperkasakan pekebun kecil dalam bidang keusahawanan sebagai pilihan untuk meningkatkan taraf kesejahteraan

masyarakat pekebun kecil. Sasaran RISDA menjelang tahun 2010 adalah untuk membangunkan seramai 10,000 orang usahawan. Setakat ini, RISDA telah melahirkan lebih 5,000 orang usahawan di kalangan pekebun kecil melalui program-program pembangunan yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan keluarga pekebun kecil. Bidang keusahawanan meliputi pembangunan dan pengurusan ladang, Pembekalan input pertanian, pemasaran, tapak semaian, ternakan, tanaman dan industri desa.

7

3. Objektif Sambutan Hari Pekebun Kecil adalah untuk mempereratkan hubungan jalinan kerjasama antara RISDA dengan pekebun kecil yang lebih baik di samping meningkatkan pembangunan modal insan melalui pembentangan kertas kerja. Juga Sambutan Hari Pekebun Kecil digunakan sebagai landasan untuk memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk pekebun kecil Negeri Sembilan.
4. Semua perancangan dan program yang dibuat oleh RISDA adalah bertujuan untuk membantu dan meningkatkan pendapatan dan seterusnya taraf

8

kehidupan masyarakat pekebun kecil. Bagi mencapai matlamat ini pihak RISDA sentiasa mencari kaedah terbaik untuk dilaksanakan oleh pekebun kecil. Perancangan strategik pembangunan pekebun kecil yang digubal adalah selari dengan dasar-dasar negara dan kementerian pembangunan luar bandar.

5. Adalah menjadi harapan saya supaya pekebun kecil terus merebut peluang-peluang yang disalurkan oleh kerajaan melalui RISDA bagi membantu Tuan-Tuan dan Puan-Puan. Saya juga meminta kerjasama pekebun kecil sama-

9

sama berganding dengan RISDA dan memberi *komitmen* untuk menjayakan apa juga aktiviti yang dilaksanakan oleh RISDA.

6. Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dato' yang kita kasihi kerana sudi hadir dan seterusnya merasmikan Majlis ini pada hari ini. Setinggi penghargaan juga kepada Yang Berhormat Dato' Hasim Rusdi dan dif-dif jemputan yang menyokong program-program yang dianjurkan oleh RISDA. Kepada para pekebun kecil yang hadir, terima kasih diucapkan

dan semoga Sambutan Hari Pekebun Kecil RISDA Negeri Sembilan ini dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Tn Hj. Abd. Ghafar bin Dato' Borhanudin, Pengarah RISDA Negeri Sembilan serta Jawatankuasanya yang bekerja keras untuk menjayakan majlis pada hari ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh